



Headline	REHDA cadang wujud satu badan tunggal perumahan
MediaTitle	Harian Metro
Date	25 Nov 2017
Section	Bisnes
Page No	55
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



Kuala Lumpur

REHDA cadang wujud satu badan tunggal perumahan

Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) mencadangkan pihak kerajaan untuk mewujudkan satu badan tunggal perumahan dalam mengawal selia dan menangani isu pemilikan rumah mampu milik di negara ini.

REHDA dalam satu kenyataan berkata, persatuan itu yakin ia langkah penting dan tepat yang dilihat mampu untuk melindungi perkembangan sektor hartanah serta kepentingan pemain industri terbabit.

“Kami turut menggesa lebih banyak insentif diberikan supaya ia dapat menarik lebih ramai pemaju swasta untuk membangunkan lebih banyak projek perumahan mampu milik serta mengkaji semula dan mengurangkan kos pematuhan untuk pemaju menurunkan kos

perniagaan.

“Kerajaan juga perlu menghapuskan sekatan ke atas hartanah siap yang tidak terjual dan pengecualian duti setem khususnya untuk pembeli kategori perumahan mampu milik turut dilihat sebagai faktor dalam membantu pembeli rumah,” katanya.

Pada masa sama, REHDA turut mengulas mengenai keputusan Kabinet yang membekukan kediaman berharga RMI juta dan ke atas serta hartanah komersial seperti kompleks beli-belah dan pejabat

“Pendapatan per kapita rakyat Malaysia pada umumnya telah bertambah sekitar 46 peratus sejak 2010 tetapi ini tidak mencerminkan pendapatan boleh guna dan kuasa beli rakyat Malaysia yang berpunca daripada kenaikan kos sara hidup,” katanya.